

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 14/6/2012
Hari: Kamis MS: 11
Ruangan: LA/Siti

DPMM, CEDI dan UUM saling bekerjasama

Oleh Nordiana Shafiee
bhvarsiti@harian.com.my

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan HR Marketing Sdn Bhd (HRMSB) bagi memperkasakan aktiviti pembangunan keusahawanan terutama untuk golongan pelajar dan usahawan.

Timbalan Naib Canselor (Penye- lidikan dan Inovasi), Prof Dr Abdul Razak Saleh, berkata dengan adanya kerjasama itu, UUM mampu melaksanakan program pembangunan perniagaan dan keusahawanan bagi pelajar universiti itu serta usahawan muda.

Bellau berkata, UUM sedia

memberikan perkhidmatan dalam bentuk latihan termasuk kursus, seminar, bengkel dan konvensyen, perundingan, pameran, program mentor-mentee, inkubator, latihan praktikum pelajar serta aktiviti penyelidikan.

Katanya, usaha sama itu mampu membangunkan aktiviti pembangunan keusahawanan dalam kalangan pelajar, usahawan berpotensi dan usahawan sedia ada dalam HRMSB serta DPMM.

"Kita mempunyai tenaga pakar dalam pelbagai bidang pengu- rusan perniagaan yang boleh dimanfaatkan HRMSB dan DPMM, manakala pihak berkenaan pula mempunyai pengalaman industri yang boleh dimanfaatkan oleh UUM terutama pelajar universiti ini yang mempunyai minat dalam bidang keusahawanan."



PENGERUSI HRMSB, Datuk Hashim Jahaya (kiri) bertukar dokumen MoU dengan Dr Abdul Razak.

"Secara tidak langsung pelajar ini dapat mempelajari dan mendalami ilmu perniagaan daripada usaha- wan yang terabit secara langsung dalam aktiviti keusahawanan dan

berjaya dalam bidang ini," katanya yang mewakili Naib Canselor UUM, selepas majlis menandatangani MoU antara UUM, HRMSB dan DPMM di EDC-UUM dekat sini.

Sementara itu, Pengarah CEDI, Prof Dr Hassan Ali berkata, jalinan kerjasama antara UUM, khususnya CEDI dengan DPMM sudah terjalin sejak 2008. DPMM mendapat akan khidmat kepakaran tenaga akademik UUM untuk menganjur program latihan kepada ahli DPMM sendiri.

Katanya, kerjasama dengan pihak HR Marketing pula bermula sejak 2011 apabila HR Marketing melantik CEDI sebagai Penyedia Latihan bagi kursus Kompetensi kepada Diamond Director seluruh Malaysia.

"Kita amat berbesar hati dapat bekerjasama dan menawarkan kepakaran akademik kepada DPMM dan HRMSB untuk menjalankan ak- tiviti penyelidikan ekonomi sebagai projek baru negara atau projek idea besar negara dalam Program Trans- formasi Ekonomi."

"Selain itu, kerjasama dalam aspek perundingan dan penerbitan juga dapat dilaksanakan melalui kepaka- ran foto yang berkhidmat di bawah CEDI UUM," katanya.

Prof Hassan berharap kerjasama UUM dan DPMM akan diperluas merangkumi pelbagai aspek lain ter- masuk penawaran modul pengajian bertaraf diploma dan ijazah yang diakreditasi oleh UUM sebagai aktiviti pengajian luar kampus.